
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2006/2007

April 2007

RPK 323 – Perancangan dan Pembangunan Pelancongan

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **SEPULUH** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Soalan ini mengandungi **3 Bahagian**:-

Bahagian A – Soalan Objektif (Jawab **SEMUA** soalan)

Bahagian B (Jawab **LIMA** soalan sahaja)

Bahagian C (Jawab **SEMUA** soalan)

(Pastikan jawapan untuk **Bahagian A** dibuat atas **BORANG OMR**)

Bahagian A (Jawab SEMUA soalan) (30 Markah)

1. Tahun 2007 adalah Tahun Melawat Malaysia yang ke ____.
 - A) Pertama
 - B) Kedua
 - C) Ketiga
 - D) Keempat

2. Mengapakah aktiviti pelancong yang memberi makanan kepada helang-helang di Sungai Kilim tidak digalakkan? Hal ini kerana:
 - A) Ia memerlukan perbelanjaan yang besar untuk menampung kos makanan helang-helang tersebut
 - B) Helang-helang tersebut boleh menyerang dan membahayakan keselamatan pelancong
 - C) Ia boleh menyebabkan helang-helang tersebut tidak mampu untuk hidup berdikari dan mencari makanan mereka sendiri
 - D) Ia bercanggah dengan Akta Perlindungan Hidupan Liar negara

3. Jika pada tahun 70an, rakyat Malaysia banyak berbelanja di Singapura, hari ini rakyat Malaysia tidak lagi gemar melancong ke Republik tersebut. Perubahan ini TERUTAMANYA berpunca dari?
 - A) Kerana Republik Singapura telah terpisah dari Malaysia
 - B) Kerana peningkatan berterusan nilai matawang Singapura berbanding Ringgit
 - C) Kerana sekatan terhadap kenderaan yang ingin masuk ke Republik tersebut
 - D) Kerana sikap rakyat Singapura yang agak sombong dan bongkak

4. Mengapa penyu tidak lagi digunakan sebagai maskot pelancongan negara ini?
 - A) Ia tidak benar benar melambangkan negara asalnya kerana kedudukannya yang sering berubah
 - B) Ia telah pupus
 - C) Ia tidak menarik dari sudut pemasaran
 - D) Ia tiada kena mengena dengan tema pelancongan negara hari ini.

- 3 -

5. Kemuncak pelancongan yang berlaku pada tahun 90an di Jepun disebabkan oleh:
- A) Kebebasan yang diberikan kepada rakyat Jepun untuk melancong
 - B) Berlangsungnya Ekspo Osaka
 - C) Peningkatan nilai Yen
 - D) Terbinanya jet-jet Jumbo
6. Sejak tahun 2000 dan sehingga ke hari ini, jenis pelancongan yang popular di Jepun TIDAK termasuk:
- A) Melawat spa ataupun kolam air panas
 - B) Bermain ski
 - C) Melawat bekas tinggalan industri (Industrial Heritage Tourism)
 - D) Pelancongan-Eko (Ecotourism)
7. Konsep 'Pengelompokan' sering diterapkan dalam merancang susunatur sesebuah resort. Konsep ini mempunyai beberapa kelebihan iaitu
- i. Menjimatkan ruang & infrastruktur
 - ii. Memudahkan pengurusan
 - iii. Memberi tahap kesendirian (privacy) yang tinggi kepada pelanggan
 - iv. Menjimatkan kos
- A) i, ii, iii
 - B) ii, iii, & IV
 - C) i, ii, & iv
 - D) i, ii, iii & iv
8. Perancangan di peringkat IMT-GT boleh diklasifikasikan sebagai perancangan pelancongan peringkat:
- A) Kebangsaan
 - B) Antarabangsa
 - C) Gunatanah
 - D) Tapak

- 4 -

9. Kawasan Wang Kelian terkenal dengan:
- i. Pasar minggu
 - ii. Taman Negeri Perlis
 - iii. Gua Kelam
 - iv. Ladang Gula Chuping
- A) I, II, III
B) II, III, IV
C) I, II, IV
D) Semua di atas
10. Sistem asas pelancong melibatkan:
- A) Produk dan promosi
B) Pengangkutan dan kemudahan
C) Pasaran dan Destinasi
D) Penginapan dan perkhidmatan
11. Tujuan konsep Pelancongan Mampan diperkenalkan BUKAN untuk:
- A) Menjadikan pelancongan sebagai satu-satunya punca mata pencarian penduduk
B) Untuk mengekalkan karektor penduduk tempatan
C) Untuk mengekalkan landskap dan habitat
D) Untuk mengekalkan sektor pelancongan agar ia terus kekal dan berdaya maju sepanjang masa
12. Elemen-elemen penting yang terdapat di sektor BEKALAN pelancongan adalah:
- i. Pengangkutan
 - ii. Penginapan
 - iii. Tarikan
 - iv. Maklumat
 - v. Pengalaman
- A) I, II, III, IV
B) II, III, IV, V
C) I, III, IV, V
D) I, II, IV, V

- 5 -

13. Salah satu dari berikut BUKANnya prinsip pembangunan resort yang baik:
- A) Mematuhi had menampung kawasan
 - B) Menghimpun semua kemudahan di tengah-tengah
 - C) Mengutamakan penggunaan eksklusif ruang dan fasiliti resort hanya kepada tetamu
 - D) Memelihara alam sekitar dan menjaga aestatik
14. Kenyataan berikut tentang imej adalah kurang tepat.
- A) Bali dianggap menggambarkan keseluruhan Indonesia
 - B) Thailand lebih terkenal sebagai syurga lelaki
 - C) Slogan Pelancongan Malaysia sekarang adalah '*Fascinating Malaysia...Naturally..*'
 - D) Imej organik diperolehi dari lawatan sebenar, buku teks dan sebagainya
15. Jika menurut teori Plog (1974), Tibet dan Nepal popular dalam kalangan pelancong jenis:
- A) Allocentrics
 - B) Midcentrics
 - C) Near Psychocentrics
 - D) Psychocentrics
16. Kajian menunjukkan bahawa Malaysia KURANG terkenal sebagai sebuah destinasi:
- A) Membeli belah
 - B) Yang menawarkan disko dan hiburan malam
 - C) Berasaskan alam semulajadi
 - D) Bangunan pencakar langit
17. Indeks Gangguan Pelancong diperkenalkan oleh:
- A) Doxey
 - B) Maxwell
 - C) Butler
 - D) Badaruddin

18. Kos Melepas dalam konteks kesan ekonomi dari pembangunan pelancongan bermaksud:
- A) Kos yang terpaksa ditanggung untuk melepaskan tanggungan saham sesebuah syarikat
 - B) Pendapatan yang mungkin diperolehi sekiranya seseorang itu menceburi bidang lain
 - C) Kebergantungan yang keterlaluan ke atas sektor pelancongan
 - D) Kos yang melepasi kos sebenar ketika pembinaan resort sedang berjalan
19. Saya bukannya seorang pelancong:
- A) Pelajar USM yang pergi ke Gua Kelam dan bermalam di Taman Negeri Perlis
 - B) Rakyat Bangladesh yang menunaikan Haji di Makkah
 - C) Rombongan dari Australia yang terkandas selama 2 hari di KLIA
 - D) Warga Jepun yang datang ke Pulau Pinang dan bekerja di kilang Intel
20. Faktor-faktor berikut telah menyumbang kepada kejatuhan bilangan pelancong asing ke Malaysia antara tahun 1996 hingga 1998, KECUALI:
- A) Kejatuhan nilai matawang Ringgit berbanding dengan Dolar Amerika
 - B) Jerebu
 - C) Pergolakan politik negara
 - D) Jangkitan Cocksackie
21. Berikut adalah Contoh *dark tourism* diseluruh dunia, kecuali.
- A) The killing field, Cambodia
 - B) atomic memorial museum Hiroshima
 - C) The dark caves, Kanada
 - D) Penjara pudu, Kuala Lumpur
22. Angkorwat merupakan contoh terbaik jenis pelancongan:
- A) Eko
 - B) Warisan
 - C) Alam semulajadi
 - D) Belia

23. Mengapakah pelancongan bandar sukar untuk dibangunkan?
- i. Kerana bandar mempunyai pelbagai elemen untuk dilawati oleh pelancong dalam tempoh yang singkat
 - ii. Ia tidak mempunyai infrastruktur pelancongan yang mencukupi
 - iii. Sesetengah bandar terlalu baru
 - iv. Sesetengah bandar tidak mempunyai imej yang kukuh dan serupa dengan bandar-bandar lain
- A) I, II, III
B) II, III, IV
C) I, III, IV
D) SEMUA DI ATAS
24. Salah satu dari berikut BUKANNYA kesan sosial yang terhasil dari pembangunan pelancongan.
- A) Kolonisma bentuk baru
B) Kesan Demonstrasi
C) Kecairan budaya
D) Hilang karektor
25. Mengapakah pihak berkuasa kota Kyoto membuat keputusan untuk menerima rekabentuk stesen keretapinya yang moden?
- A) Rekabentuk tradisional kurang sesuai dengan persekitaran kota Kyoto
B) Mereka tidak mahu lagi dianggap sebuah kota yang terkebelakang
C) Pemilihan rekabentuk stesen tersebut dilakukan secara rawak
D) Tekanan dari persatuan kuil-kuil yang mahukan pembaharuan
26. Analisa permintaan pelancongan dipengaruhi oleh faktor-faktor berikut KECUALI:
- A) Jenis Produk dan Kawasan Tumpuan
B) Musim dan Laluan Ke Destinasi
C) Jenis Kumpulan Pelancong
D) Tempat Asal Operator Pelancongan

27. Skop bagi menganalisa PENAWARAN produk atau destinasi pelancongan ditumpukan kepada aspek berikut , KECUALI
- A) Mutu perkhidmatan dan Faedah yang diperolehi pelancong
 - B) Perkhidmatan dan faedah kepada pelancong Eropah serta pemandu pelancong
 - C) Keadaan ekonomi dan status keselamatan global
 - D) Masa atau musim produk pelancongan ditawarkan.
28. Bandar-bandar di negara ASEAN masih boleh bertahan sebagai destinasi pelancongan terkenal di dunia berasaskan faktor penting berikut:
- A) Ekonomi negara yang pesat berkembang
 - B) Penduduknya yang ramah dan berbilang kaum
 - C) Imej budaya, agama dan cara hidup yang unik
 - D) Negara-negara ASEAN sering bekerjasama
29. Pilih gabungan yang paling tepat:
- A) Budget chalet-RM40 semalam – 10 orang dalam kumpulan – dari Eropah
 - B) Resort 5 Bintang – RM 180 semalam – 12 orang berkumpul – dari Thailand.
 - C) Hotel Bandar 3 bintang – RM 120 semalam – 35 orang berkumpul – dari Taiwan
 - D) Rumah Tumpangan – RM 200 semalam – 2 orang berkumpul – dari Jepun
30. Antara ciri-ciri pusat peranginan pantai (resort) adalah:
- I. Kemudahan penginapan dan rekreasi
 - II. Aktiviti penginap diatur atau persendirian
 - III. Pelaburan yang tinggi oleh pemilik
 - IV. Menjadi kegemaran oleh pelancong Eropah sahaja.
- A) I, II dan IV
 - B) II dan III
 - C) I,II,III dan IV
 - D) I, II dan III

(30 markah)

BAHAGIAN B (Jawab LIMA soalan sahaja)

1. Dari sudut Pelancongan Mampan, apakah tanda-tandanya sesebuah destinasi tersebut berada dalam keadaan yang tidak baik (*sick destinations*)?
(8 markah)
2. Imej memainkan peranan penting dalam promosi sesebuah destinasi.
(8 markah)
3. Secara ringkas, bincangkan **TIGA (3)** faktor yang diambilkira oleh pelancong Jepun sebelum mereka keluar melancong?
(8 markah)
4. Membunuh angsa yang mengeluarkan telur emas merupakan ungkapan yang menyentuh fenomena berkaitan dengan destinasi pelancongan. Dengan memberikan contoh, terangkan maksud ungkapan ini.
(8 markah)
5. Terdapat beberapa faktor yang mungkin membantutkan hasrat kerajaan untuk mencapai 20.1 juta pelawat asing semasa Tahun Melawat Malaysia 2007. Bincangkan.
(8 markah)
6. Bagaimana Malaysia boleh bertahan sebagai negara yang mampu menarik pelancong luar memasuki negara ini, dibandingkan dengan negara Asia Tenggara lain ?
(8 markah)
7. Pusat peranginan pantai (resort) di Pulau Langkawi dan resort 4 bintang di Cameron Highlands adalah dua destinasi penginapan pelancong berasaskan alam semulajadi. Senaraikan secara ringkas elemen-elemen perbezaan antara keduanya.
(8 markah)

BAHAGIAN C (Jawab SEMUA soalan)

- 1) Anda telah mewarisi sebuah banglo lama yang amat berpotensi untuk dijadikan sebagai sebuah hotel warisan. Terangkan apakah elemen-elemen yang harus diubahsuai serta ditambah kepada bangunan ini dengan tujuan untuk menjadikannya sebuah produk pelancongan yang baik?

(15 markah)

- 2) Tragedi seperti gempabumi, serangan pengganas boleh menimbulkan beberapa kesan serta merta ke atas pasaran pelancong. Bincangkan dengan ringkas TIGA kesan-kesan tersebut.

(15 markah)

- ooo O ooo -